



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, CHIKUNGUNYA DAN ZIKA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 21/2017 dari 21 Mei hingga 27 Mei 2017)

Peningkatan kes Denggi terus berlaku pada minggu ke-21 tahun 2017 iaitu dari 21 Mei hingga 27 Mei 2017, iaitu sejumlah 2,250 kes Demam Denggi telah dilaporkan, meningkat sebanyak 230 kes (11.4%) berbanding 2,020 kes pada minggu ke-20 tahun 2017. Terdapat lapan (8) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 114 kes (10.1%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 50 kes (25.1%), Negeri Sembilan 30 kes (25.4%), Pahang 25 kes (92.6%), Johor 12 kes (6.9%), Pulau Pinang 11 kes (26.8%), Sarawak 4 kes (20%) dan Perlis 2 kes (25%).

Hasil pemantauan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada minggu ke-21 tahun 2017 mendapati jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan sehingga 27 Mei 2017, ialah sebanyak 39,272 kes berbanding 49,328 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 10,056 kes (20.4%). Terdapat dua (2) kes kematian dilaporkan sepanjang minggu ke-21, di mana jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 93 kematian, berbanding 109 kematian dilaporkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama, pengurangan sebanyak 16 kes (14.7%).

Dari 21 hingga 27 Mei 2017, sejumlah 812 lokaliti wabak Demam Denggi masih aktif dilaporkan di 14 negeri. Pada minggu yang sama juga, terdapat 125 lokaliti hotspot semasa yang dilaporkan melibatkan tujuh (7) buah negeri iaitu 85 lokaliti di Selangor, 12 lokaliti di Negeri Sembilan, 11 lokaliti di Perak, lapan (8) lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, enam (6) lokaliti di Johor, dua (2) lokaliti di Pulau Pinang dan satu (1) lokaliti di Sabah.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah menerima sebanyak 21 kes Chikungunya iaitu tujuh (7) dari Kuala Muda, enam (6) kes dari Gombak, empat (4) kes dari Batu Pahat manakala satu (1) kes masing-masing dilaporkan dari daerah Sik, Baling, Manjung dan Kluang. Jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 27 Mei 2017 adalah sebanyak 208 kes iaitu 161 kes dari Kedah, 25 kes dari Selangor, 21 kes dari Johor dan satu (1) kes dari Perak.

Pemantauan sistem surveilan virus Zika dari 1 Januari sehingga 27 Mei 2017 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), mendapati keputusan ujian bagi 716 sampel darah dan 28 sampel air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif. Menurut laporan situasi mengenai virus Zika yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertarikh 10 Mac 2017, terdapat sebanyak 84 buah negara melaporkan jangkitan virus Zika.

Seperti sebelum ini, akan terdapat peningkatan kes Denggi di pertengahan tahun, lebih-lebih lagi dengan perubahan *viral serotype* yang berlaku pada penghujung tahun 2016. Oleh sebab itu, setiap kementerian, agensi, masyarakat setempat mahu pun individu perlu memainkan peranan yang lebih aktif dan mempertingkatkan lagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut:-

- a) Pihak KKM dan PBT memastikan aktiviti pencegahan dan kawalan bagi semua kes dan wabak dilaksanakan sepenuhnya.
- b) Di samping itu, PBT juga perlu memastikan kawasan-kawasan tumpuan awam terutama bazar-bazar Ramadhan dibersihkan setiap minggu bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes.
- c) KKM, CIDB dan DOSH meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bersepadu terutama melibatkan tapak-tapak binaan.
- d) Orang awam juga perlu diberi nasihat dan peringatan supaya menggunakan repelen dan pakaian yang menutup anggota semasa ke bazar Ramadhan untuk mengurangkan risiko gigitan nyamuk.

Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Jun 2017

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 21/2017
(21 Mei hingga 27 Mei 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 21/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 21/2016	
		Minggu 21 (21 Mei – 27 Mei 2017)		Minggu 20 (14 Mei – 20 Mei 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Kes	Kes	Mati				
1	Perlis	10	0	8	0	86	0	83	1
2	Kedah	41	0	48	0	670	3	346	1
3	P. Pinang	52	0	41	0	965	5	1,750	10
4	Perak	166	0	166	0	3,461	7	1,905	4
5	Selangor	1,245	1	1,131	4	20,909	34	26,449	41
6	WP KL & Putrajaya	249	0	199	2	3,850	15	3,571	5
7	N. Sembilan	148	0	118	1	1,863	8	1,300	11
8	Melaka	9	0	15	1	683	1	1,002	1
9	Johor	186	0	174	0	2,887	10	6,731	10
10	Pahang	52	1	27	0	857	2	1,206	6
11	Terengganu	9	0	10	0	143	0	1,514	13
12	Kelantan	25	0	26	0	1,502	2	1,048	1
13	Sarawak	24	0	20	0	578	3	1,172	4
14	Sabah	34	0	34	0	811	3	1,249	1
15	WP Labuan	0	0	3	0	7	0	2	0
	MALAYSIA	2,250	2	2,020	8	39,272	93	49,328	109

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 21/2017
(21 Mei hingga 27 Mei 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	25	132
2	WPKL	Cheras	Desa Tasik Polis (Blok 19-49)	60	130
3	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 4/1-4/9 Taman Pelangi Semenyih	54	130
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mutiara Taman Sri Nanding	62	123
5	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Bandar Teknologi	33	114
6	PERAK	Kinta	Tmn Cempaka	79	113
7	WPKL	Cheras	Flat Sri Kota	43	112
8	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 15/1 Seksyen 15 Bandar Baru Bangi	27	110
9	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	17	106
10	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Setia Balakong	31	103
11	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	50	101
12	N SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Anggerik (Jln. Bbn 9/2)	30	101
13	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Permai (Flat Blok F)	20	99
14	SELANGOR	Gombak	Appt Julia	34	97
15	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	25	97
16	PERAK	Kinta	Tmn Menglembu Impiana Adril	36	96
17	SELANGOR	Gombak	Appt Laguna Biru	82	94

18	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	18	94
19	SELANGOR	Hulu Langat	Pandan Height Kondo Taman Pandan Mewah	29	91
20	N SEMBILAN	Seremban	Taman Arowana Impian	25	86
21	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Puncak Perdana : Uitm)	84	85
22	N SEMBILAN	Seremban	Taman Tuanku Jaafar Fasa 3	32	83
23	SELANGOR	Hulu Langat	Rumah Kedai Taman Putra Kajang	37	81
24	N SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Anggerik (Jln. Bbn 9/1)	24	78
25	SELANGOR	Gombak	Appt Orkid Bkt Indah	23	77
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 (Tmn.Sri Buloh&Rmh Mrh Pkns:Jln U19/1-U19/12c&Rmh Pngsa Tmn Sri Blh)	20	74
27	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Lp 7- Flat)	23	69
28	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Kasih Saujana Impian	34	67
29	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Harmoni Balakong	11	67
30	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a) Blok Aa- Aq	31	67
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat B : Blok 11 - 22)	14	66
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	51	66
33	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)	32	65
34	N SEMBILAN	Seremban	Flat Casurina	26	65
35	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8- 18/28)	17	64

36	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 11 (The Sanderson Condo)	15	63
37	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	17	62
38	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Jaya 7 (Pkns/ Bosnia)	21	62
39	N SEMBILAN	Seremban	Garden Homes (Fasa F)	18	62
40	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 Taman Perindustrian Saujana Indah	11	61
41	SELANGOR	Hulu Langat	Kuarters Hospital Ampang	23	61
42	N SEMBILAN	Seremban	Taman Pinggiran Senawang	39	60
43	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)	20	59
44	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	18	57
45	SELANGOR	Hulu Langat	Casa Villa Condo Sungai Chua	23	56
46	SELANGOR	Gombak	Tmn Rawang Perdana Rp 10	15	55
47	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Flat Pprt : Blok A, B, C)	33	55
48	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	32	54
49	SELANGOR	Petaling	BI Pju 9 Sd 13 Apt Sri Meranti 1 : Blok A - G	9	51
50	N SEMBILAN	Seremban	Flat Nilai Perdana	8	51
51	SELANGOR	Petaling	BI Pju 9 Sd 7	14	50
52	SELANGOR	Petaling	Seksyen U3 (Sbg Perdana Teres B : Jln Sp 2/1 - 2/16)	8	49
53	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pulai Indah_ Jln Pulai Indah /9	14	49
54	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria_ Jln Jelatang	10	49
55	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Kajang Prima	11	48
56	JOHOR	Johor Bharu	Kg Melayu Baru Gelang Patah	15	48
57	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South	19	47

			City Condo)		
58	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Plaza)	21	47
59	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Pangsapuri Sri Indah)	8	47
60	PERAK	Larut Matang & Selama	Tmn Sg Mas	14	47
61	N SEMBILAN	Seremban	Taman Paroi Jaya (Kedidi)	18	47
62	SELANGOR	Gombak	Au1a Tmn Keramat	17	46
63	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Usj 1	7	46
64	SELANGOR	Hulu Langat	Ladang Rinching	5	46
65	SELANGOR	Hulu Langat	Appt City Heights Sungai Chua	15	46
66	SELANGOR	Hulu Langat	Blok Polis Taman Desa Baiduri	12	44
67	WPKL	Cheras	Flat Sri Johor A(Blok1-23)	17	41
68	WPKL	Cheras	Lorong Ikan Emas	6	41
69	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak	9	41
70	SELANGOR	Hulu Langat	Gladden Court Bandar Baru Ampang	7	41
71	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/2,4/5,4/5a,4/58,4/3 Tasek Tambahan	7	41
72	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat G : Blok 43 - 61)	20	41
73	SELANGOR	Petaling	Usj 14 (Subang Perdana Good Year Court 8)	10	41
74	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 3 (Jln 18/30-18/44 & 18/46)	9	40
75	SELANGOR	Gombak	Appt Desa 1	9	40
76	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Tengah	8	40
77	WPKL	Cheras	Pangsapuri Permai	9	39
78	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Kg Baru Hicom : Jln Bunga Tanjung)	6	39

79	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kosas 3/1-3/9 Taman Kosas	6	39
80	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Suakasih Bandar Tun Hussein Onn	10	39
81	WPKL	Cheras	Flat Sri Johor C(Blok37-59)	6	38
82	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak Setia	7	38
83	SELANGOR	Gombak	Tmn Perwira	14	38
84	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Desa Serdang	9	38
85	PERAK	Larut Matang &Selama	Taman Ria Simpang	21	38
86	N SEMBILAN	Seremban	Kolej Kediaman Nilam Court Usim	11	38
87	SELANGOR	Gombak	Appt Azalea Court	7	37
88	SELANGOR	Klang	B.B.T Flat Jalan Batu Nilam 34	9	37
89	SELANGOR	Hulu Langat	Kediaman Kakitangan Hospital Kajang Sungai Chua	7	37
90	PERAK	Kinta	K/B Pasir Pinji	6	37
91	PERAK	Kinta	Kg Sri Kinta	9	37
92	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Jalan 1/9c Seksyen 1 Bandar Baru Bangi	8	36
93	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bandar Rinching	5	36
94	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	8	36
95	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Desa Mutiara Sungai Jelok	15	36
96	SELANGOR	Hulu Langat	Rumah Pangsa Taman Berjaya Baru	4	36
97	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 8	7	35
98	SELANGOR	Klang	B.B.T (Jln Bt Nilam 25)	8	35
99	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 4 (Jln 18/47-18/58)	8	35
100	PERAK	Larut Matang &Selama	Kpg Baru Smpg	12	35

101	N SEMBILAN	Seremban	Garden Homes (Fasa E)	18	35
102	JOHOR	Johor Bharu	Pangsapuri Sri Mengkuang _Gp	8	35
103	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	29	34
104	P PINANG	Timur Laut	Flat Hamna (Blok A-J)	16	34
105	SELANGOR	Petaling	Seksyen 21 (Kaw Perindustrian)	6	33
106	SELANGOR	Petaling	Tm Seksyen 2 (Teres : Jln 2/23, 23a, 25, 27 - 30, 32, 34, 36, 38)	14	33
107	PERAK	Kinta	Tmn Perpaduan	10	33
108	PERAK	Kinta	Rpt Jelapang Baru	5	33
109	N SEMBILAN	Seremban	Park Avenue	12	33
110	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suasana 4 Bandar Tun Hussein Onn	9	32
111	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 6 Flat Pelangi Damansara (G,H,I,J,K)	11	32
112	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 3 Teres D	10	32
113	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2c Tmn Medan (Teres A : Jln Pjs 2c/2, 7, 7a, 7b, 9, 12, 14)	11	32
114	P PINANG	Timur Laut	Sri Wangsa 2	5	32
115	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kenanga	8	32
116	SELANGOR	Petaling	Taman Perindustrian Pbp 3	5	31
117	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Subang Pelangi : Jln U5/122-129,136-136c & Jln U5/Ak, Aj, Ah & Ag)	10	31
118	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Plaza Indah Taman Sepakat Indah	9	31
119	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Raya Taman Sepakat Indah	6	31
120	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 2/1-2/12 Taman Pelangi Semenyih	13	31

121	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 15-25 Taman Kantan Permai	20	31
122	SELANGOR	Hulu Langat	Blok Aa-Ad Pandan Indah	11	31
123	SABAH	Kudat	Taman Orkid	11	31
124	PERAK	Kinta	Kg Manjoi	7	31
125	JOHOR	Johor Bharu	Ciq Gelang Patah	6	31

